



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

AMARAN WHO MENGENAI SIRAP UBAT BATUK TERCEMAR BUATAN QP PHARMACHEM LTD (PUNJAB,INDIA): GUAIFENESIN SYRUP TG SYRUP

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum amaran yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 25 April 2023 mengenai sirap ubat batuk tercemar [https://www.who.int/news/item/25-04-2023-medical-product-alert-n-4-2023--substandard-\(contaminated\)-syrup-medicines#:~:text=This%20WHO%20Medical%20Product%20Alert,and%20the%20symptoms%20of%20cough](https://www.who.int/news/item/25-04-2023-medical-product-alert-n-4-2023--substandard-(contaminated)-syrup-medicines#:~:text=This%20WHO%20Medical%20Product%20Alert,and%20the%20symptoms%20of%20cough) .

Laporan tersebut adalah merujuk kepada sirap ubat batuk **Guaifenesin Syrup TG Syrup** yang dikilangkan oleh **QP Pharmachem Ltd. (Punjab, India)** yang telah dikesan mengandungi **diethylene glycol dan ethylene glycol melebihi had yang dibenarkan** (gambar produk seperti di **Lampiran 1**).

Semakan ke atas pangkalan data produk berdaftar Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), KKM mendapati bahawa produk tersebut **tidak berdaftar di Malaysia**.

Pengambilan produk sirap ubat batuk yang tercemar dengan diethylene glycol (DEG) dan ethylene glycol (EG) adalah toksik kepada manusia yang boleh memberikan kesan seperti sakit pada bahagian abdomen, muntah, cirit-birit, kesukaran untuk membuang air kecil, sakit kepala, perubahan pada keadaan mental dan kecederaan yang teruk pada buah pinggang. Produk yang tercemar

ini adalah tidak selamat untuk digunakan terutamanya di kalangan kanak-kanak kerana ia boleh menyebabkan kesan yang serius atau kematian.

Meskipun produk ini tidak berdaftar di Malaysia, KKM ingin mengambil kesempatan ini untuk menasihati orang awam yang berkemungkinan menggunakan atau mengetahui sesiapa yang sedang menggunakan produk ini untuk segera menghentikan penggunaannya dan mendapatkan nasihat daripada ahli profesional kesihatan, terutama jika mengalami sebarang kesan sampingan atau kesan advers.

Sekiranya orang awam mempunyai sebarang maklumat berhubung penjualan produk tidak berdaftar di pasaran, aduan boleh dibuat melalui portal Sistem Pengurusan Aduan Agensi Awam (SisPAA) di <http://moh.spab.gov.my> atau melaporkan di Cawangan Penguatkuasaan Farmasi yang berdekatan atau menghubungi talian 03-78413200 untuk membolehkan tindakan sewajarnya diambil oleh KKM. Orang awam juga digalakkan membuat aduan sekiranya terdapat keraguan tentang kualiti dan keselamatan produk yang digunakan.

KKM menjalankan pemantauan secara berterusan bagi memastikan kualiti, keselamatan dan keberkesanan ubat-ubatan terjamin serta akan memaklumkan perkembangan kepada orang ramai dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

**DATUK DR MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

1 Mei 2023

LAMPIRAN 1

